

NAMA:..... KELAS:..... TARIKH:.....

MATAPELAJARAN: BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

TEMA: Sungaiku Indah dan Bersih

Unit 13: Indahnya Sungai Kita

S.K: 2.1 Membaca, memahami makna perkataan, rangkai kata dan istilah serta maksud ungkapan.

2.1.2 Membaca dengan betul.

KEMAHIRAN MEMBACA

ARAHAN: Baca maklumat di bawah. Kemudian, pilih jawapan yang tepat.



JANA KUASA HIDROELEKTRIK

Jana kuasa hidroelektrik merupakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang menggunakan air. Air yang mengalir dalam empangan dapat menggerakkan turbin untuk menjana elektrik. Jana kuasa hidroelektrik berfungsi bagi membekalkan tenaga elektrik kepada perindustrian, perumahan dan juga untuk kegunaan domestik. Contoh empangan yang menjana kuasa hidroelektrik yang ada di Malaysia ialah empangan Bakun, empangan Kenyir dan empangan Temenggor.

TENAGA HIDROELEKTRIK



- ☞ Tenaga hidroelektrik adalah satu tenaga alternatif yang sesuai digunakan di negara yang mempunyai aliran deras.
- ☞ Tenaga elektrik dapat dihasilkan oleh aliran sungai yang deras seperti air terjun kerana aliran air yang jatuh dari puncak air terjun membolehkan turbin digerakkan dan menyebabkan generator elektrik menghasilkan tenaga elektrik.
- ☞ Tenaga ini sesuai dengan negara yang sedang membangun kerana ia hanya memerlukan kos yang murah untuk dijanakan.

Jana kuasa hidroelektrik berfungsi bagi membekalkan tenaga elektrik kepada perindustrian, perumahan dan juga untuk kegunaan domestik.

Air yang mengalir dalam empangan dapat menggerakkan turbin untuk menjana elektrik.

Jana kuasa hidroelektrik ialah sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang menggunakan air.

1) Apakah yang dimaksudkan dengan jana kuasa hidroelektrik?

.....

2) Bagaimanakah pergerakan turbin dapat menjana elektrik?

.....

3) Apakah fungsi jana kuasa hidroelektrik?

.....